



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3/4/2009

Dr. Mahathir sertai semula UMNO sehari dua lagi

SUNGAI PETANI 2 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menyertai semula UMNO dalam tempoh sehari dua ini dan akan turut berkempen untuk calon Barisan Nasional bagi Pilihan Raya Kecil Bukit Gantang dan Bukit Selambau, kata anaknya Datuk Mukhriz.

"Paling penting kepada saya, Tun Dr. Mahathir pulang ke pangkuan UMNO dan itu akan menjadi kenyataan dalam sehari dua ini," katanya kepada pemberita ketika melawat *homestay* Taman Joget di sini hari ini.

Dr. Mahathir, yang keluar UMNO pada Mei tahun lepas kerana kecewa dengan pucuk pimpinan parti, telah pun mengesahkan hasratnya untuk kembali menyertai UMNO minggu lepas semasa beliau hadir pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO.

Mukhriz, yang juga Anggota Parlimen Jerlun, berkata beliau tidak rasa kecewa atau sedih dengan kalahannya merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO pada pemilihan parti itu.

Katanya, beliau sedia menerima sebarang jawatan dalam kerajaan ataupun dalam parti jika diminta oleh Datuk Seri Najib Tun Razak yang dijadual mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri yang baru esok.

"Sekiranya Datuk Seri Najib melihat saya boleh menyumbang kepada kerajaan BN ini, maka saya tetap bersedia untuk menerima tanggungjawab itu," katanya. - BERNAMA